



Kunjungan Rasmi MPK ke Arkib Negara Malaysia

Kuala Lumpur, 25 September 2020 – Hujan renyai mengiringi kunjungan rasmi Majlis Perbandaran Klang (MPK) yang diketuai oleh Yang Dipertuanya, YBrs. Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, ke Arkib Negara Malaysia (ANM). Rombongan MPK telah disambut oleh Ketua Pengarah ANM, Dato' Azemi bin Abdul Aziz dan kakitangan pengurusan.

Rombongan MPK telah dibawa ke Dewan Penyelidikan bagi melihat secara dekat manuskrip-manuskrip berkaitan Klang yang ada di ANM. Dr. Ahmad Fadzli telah menunjukkan minat mendalam terhadap manuskrip berkenaan, khususnya laporan minit mesyuarat pentadbiran Klang dahulu.

Sewaktu sesi perbincangan, Dato' Azemi memaklumkan bahawa MPK adalah pihak berkuasa tempatan pertama yang melakukan lawatan rasmi ke MPK dan beliau telah mencadangkan MPK dan ANM melaksanakan satu memorandum persefahaman (MOU) berkaitan sejarah Klang dan Selangor. Cadangan ini telah disambut baik oleh pihak MPK dan kedua-dua pihak bersetuju untuk melaksanakannya dalam masa terdekat.



Menarik di dalam

Penubuhan Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor

Monumen Warisan Baru Di Klang

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh:
Pusat Sumber / E-Library MPK,
Bangunan Pejabat Cawangan MPK,
Jalan Tengku Kelana, 41200 Klang.
Kurator: +603 33758088
Pejabat: +603 33758006

Sidang Redaksi

Penaung

YBrs. Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin

Penasihat

Norfiza binti Mahfiz


Pengarang / Editor / Penyelidik

Faisal bin Dato' Haji Surani

Reka Bentuk Grafik & Kreatif

Mazlan bin Yahya
Mohd Shahril bin Sarip

Penubuhan Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor



Pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri Selangor bermula dengan penubuhan Lembaga Kebersihan (*Sanitary Board*) pada akhir abad ke-19 di bandar-bandar utama. Lembaga inilah yang menjadi asas kepada PBT hari ini sama ada di bandar atau di peringkat daerah.

Sistem ini telah diperkenalkan oleh William Edward Maxwell, Residen British Selangor ke-5, sebagai usaha untuk memperbaiki pentadbiran dan kebersihan di peringkat bandar.

Pembentukan Lembaga Kebersihan:

Kuala Lumpur	14 Mei 1890
Klang	1 Ogos 1890
Kuala Kubu	29 Dis 1890
Hulu Langat	20 Jan 1892
Rawang dan Serendah	7 Dis 1892
Kuala Langat	2 Jun 1896
Kuala Selangor	1 Ogos 1896

Sumber:

Rekod Pejabat Kolonial (*Colonial Office Records, CO*) CO 469/1, CO 469/2 dan CO 469/6 *Selangor Government Gazettes* 1890-1975

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Pertama sekali saya ucapkan tahniah kepada Kurator dan Pusat Sumber MPK atas usaha gigih menerbitkan Warta Warisan MPK.

Penerbitan buletin bertemakan sejarah dan warisan ini buat pertama kali amatlah kena pada masanya di kala MPK sedang merancang untuk mencalonkan bandar Klang sebagai Bandar Warisan. Sebelum ini MPK telah pun menerbitkan buku 'Klang 1890-1990: Sejarah dan Pentadbiran' (1990), 'Sejarah dan Warisan Klang Bandar Diraja' (2013) dan 'Garis Panduan Reka Bentuk Bandar Tapak Warisan MPK' (2013) demi kepentingan memelihara tapak warisan sedia ada di Klang.

MPK merupakan pihak berkuasa tempatan terawal yang mempunyai pegawai Kurator. Perkara ini adalah bukti peranan MPK dalam memartabatkan sejarah dan warisan dalam perancangan pembangunannya

Pusat Sumber MPK adalah salah satu perpustakaan pihak berkuasa tempatan yang dibuka kepada awam. Perancangan untuk membangunkan Pangkalan Data Sejarah dan Warisan di Pusat Sumber MPK dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia dapat menjadikan Pusat Sumber MPK sebagai lubuk utama maklumat sejarah dan warisan secara maya di Klang. Ini adalah salah satu usaha untuk memperkenalkan Pusat Sumber MPK yang berusia hampir 13 tahun kepada warga Klang dan Selangor.

Saya difahamkan Warta Warisan turut diterbitkan dalam format 'pdf' agar dapat diedarkan secara maya atau elektronik, sesuai pada waktu penularan wabak Covid-19 di seluruh negara ketika ini di mana orang ramai tidak dapat mengunjungi arkib, pusat sumber atau perpustakaan.

Saya harap penerbitan Warta Warisan ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya serta memupuk minat sejarah di kalangan kakitangan dan warga Klang dan menjadi wadah MPK menyampaikan perancangan dan program berasaskan sejarah.

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

*Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Klang*



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Syukur alhamdulillah, buat julung kali sebuah buletin ringkas bertemakan sejarah dan warisan di Klang dan negeri Selangor berjaya diterbitkan oleh Pusat Sumber Majlis Perbandaran Klang (MPK). Kemunculan Warta Warisan MPK yang ringkas ini diharap dapat diterima dan dialu-alukan oleh peminat sejarah di kalangan kakitangan MPK.

Mulai bulan Januari 2021, Warta Warisan (WW) akan menemui para peminat sejarah serta warisan secara bulanan, dengan kerjasama kakitangan MPK, insya-Allah. Sekali gus diharap akan terus menjadi media atau platform bagi MPK menyebarkan maklumat yang mempunyai nilai-nilai sejarah dan warisan kepada warga MPK dan Klang.

Selaras dengan arus kemajuan pada zaman ICT ini, penerbitan WW akan diterbitkan dalam bentuk format 'pdf' selain versi cetakan biasa. Di samping itu juga, WW akan sentiasa dikemaskini bentuk paparannya, kandungan isinya, penyampaian makluman serta beritanya dari semasa ke semasa agar anda semua sentiasa ternanti-nantikan kemunculan WW yang akan datang!


Kakitangan MPK yang mempunyai minat, pengetahuan serta bakat tentang sejarah dan warisan dijemput untuk menyumbangkan maklumat, cerita, foto lama atau bahan penulisan atau komik bertemakan sejarah kepada saya atau Sidang Redaksi WW di Pusat Sumber MPK agar dapat dikongsikan bersama.

Semoga warta kecil ini memberi manfaat dan menjadi pemangkin dalam usaha MPK untuk menyemai minat, kesedaran dan kepentingan sejarah serta warisan di kalangan kakitangannya dan masyarakat Klang.

Mohon maaf atas kekurangan yang ada.

Sekian dan terima kasih.

Faisal bin Dato' Haji Surani
Kurator



Jejak Warisan Klang



Perasmian Laman Seni Safari

Klang, 5 Jun 2020 – Laman Seni Safari, yang merupakan kawasan tarikan pelancongan, telah dirasmikan oleh Datuk Zainal Abidin Abu Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini semasa sesi lawatan kerja beliau ke MPK.



Laman yang terletak di lorong belakang deretan kedai di antara Jalan Tengku Dhiauddin dan Jalan Dato' Hamzah, mempamerkan pelbagai mural bermotifkan haiwan sebagai unsur tarikan baharu Jejak Warisan Klang. Sebagai kemudahan pengunjung datang, laman ini terletak berdekatan dengan Stesen Kereta Api Klang.



Sejarah Reka Bentuk Jata MPK



Armorial Ensigns of the
TOWN COUNCIL OF KLANG
Selangor

Klang, 15 Julai 2020 – Apabila kita lihat jata MPK, ramai yang tahu maksud di sebalik setiap ciri pada lambang berkenaan. Namun berapa ramai di antara kita yang tahu siapa yang mereka bentuk jata berkenaan dan berapa jumlah kosnya?

Sebagai persediaan untuk mendapat bangunan baru di Bukit Kota (Kota Raja Mahadi), MPK atau dikenali sebagai Majlis Bandaran Kelang (MBK) ketika itu, telah merancang untuk mengadakan satu jata rasmi bagi MBK pada awal tahun 1961.

Satu permohonan telah dihantar kepada sebuah firma di London untuk mendapatkan sebut harga kos reka bentuk jata. Firma berkenaan juga yang telah mereka bentuk jata bagi Majlis Bandaran Kuala Lumpur (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hari ini).

Pada bulan Ogos 1961, pihak MBK secara rasmi telah melantik firma *Messrs. Chester Herald of Herald, England*, untuk mereka bentuk jata MBK. Bayaran berjumlah \$1,000.00 telah diluluskan MBK pada bulan Oktober 1961 bagi reka bentuk jata dan mohor rasmi MBK.

Setelah Bangunan Sultan Abdul Aziz, pejabat baru MBK yang terletak di Kota Raja Mahadi siap pada bulan Julai 1964, jata ini telah dipaparkan di fasad mural kaca mozek bersaiz 28 kaki x 22 kaki di atas pintu masuk utama bangunan.



Dua Buah Monumen Warisan Baru di Bandar Klang

Kuala Lumpur, 2 Disember 2019 – Bandar Klang bakal mendapat 2 buah lagi monumen berstatus Warisan menurut Jabatan Warisan Negara (JWN).

Pesuruhjaya Warisan dalam satu kenyataan telah bersetuju untuk mewartakan Jambatan Kota Lama dan Bangunan *Gurney Memorial Library Klang*, Perpustakaan Awam Daerah Klang sebagai Warisan di bawah Akta 645 setelah disyorkan oleh Jawatankuasa Pakar Warisan Seni Bina dan Lanskap JWN.

Ketika ini proses pewartaan sedang dilaksanakan oleh pihak JWN namun tertangguh akibat wabak Covid-19 di seluruh negara.

Sebagai makluman, sebelum ini bandar Klang telah pun mempunyai 5 buah monumen berstatus warisan dengan dua daripadanya bertaraf Warisan Kebangsaan, iaitu Masjid Diraja Sultan Suleiman dan Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz.

